



PT3 2018

PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

02
BAHASA MELAYU

PANDUAN

PENSKORAN

PERCUBAAN PT3

Soalan 1

- | | | | |
|-------|------------------|----------------------|-------------|
| (i) | kami | - kita | (1m + 1m) |
| (ii) | lain-lain faktor | - faktor-faktor lain | (1m + 1m) |
| (iii) | Dari | - Daripada | (1m + 1m) |
| (iv) | Kasut | - Kaus | (1m + 1m) |

Soalan 2

- | | | |
|-------|-----------|-------------|
| (i) | maksimum | (1 markah) |
| (ii) | istirahat | (1 markah) |
| (iii) | menservis | (1 markah) |

Soalan 3

(i) **Ayat penyata**

Ayat yang diucapkan dengan tujuan atau maksud sesuatu kenyataan, misalnya menyatakan atau memberikan sesuatu keterangan tentang sesuatu hal atau berita. Ayat jenis ini juga disebut ayat berita.

Contoh : Raju membawa ayahnya ke klinik. (2 markah)

(ii) **Ayat tanya.**

Ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal atau berita.

Contoh :

i- Baju itu cantik? (ayat tanya tanpa kata tanya)

ii- Dia ketawa mengapa ? (ayat tanya dengan kata tanya seperti bagaimana, berapa, bila, mengapa dan kenapa)

iii- Mengapakah dia ketawa ? (ayat tanya dengan kata tanya seperti bagaimana, berapa, bila, mengapa dan kenapa)

- Mesti ada tanda soal.

(iii) **Ayat suruhan.**

Ayat yang diucapkan untuk menyampaikan perintah atau arahan. Dalam ayat suruhan, subjek ialah kata ganti nama orang kedua, seperti awak, kamu, engkau, dan seumpamanya.

Ayat suruhan boleh menggunakan partikel –lah atas tujuan melembutkan suruhan, di samping menegaskan prediket.

Contoh : Pergilah *engkau* dari sini. (2 markah)

(iv) **Ayat larangan.**

Ayat yang diucapkan untuk tujuan menghentikan sesuatu perbuatan atau melarang seseorang daripada melakukan sesuatu. Ayat larangan menggunakan kata larangan seperti jangan, usah dan tak usah.

Contoh : *Jangan* bermalam di kaki lima ini. (2 markah)

(v) **Ayat seruan.**

Ayat yang diucapkan untuk melahirkan perasaan seperti terkejut, hairan, geram, seronok, sakit dan sebagainya. Dalam tulisan, ayat seruan menggunakan tanda (!) di akhir ayat. Ayat seruan lazimnya menggunakan kata seru seperti wah, oh, amboi, cis, aduh, eh dan syabas di permulaan ayat.

Contoh : *Syabas*, keputusan peperiksaan anda sangat cemerlang!
(2 markah)

Soalan 4

Peribahasa

MARKAH	KRITERIA
2 markah	Peribahasa yang tepat berdasarkan gambar/petikan
0 markah	Peribahasa yang tidak tepat Penggunaan perkataan yang menjejaskan maksud peribahasa Peribahasa yang tidak lengkap

(i) Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan (2m)

(ii) Ular menyusur akar tiada akan hilang bisanya (2m)

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Soalan 5

Pemahaman prosa moden (cerpen)

Kriteria bagi soalan 3 markah

MARKAH	KRITERIA
3 markah	Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis <i>* Jika calon salin perenggan yang mengandungi jawapan (isi cukup tetapi ayat tidak gramatis)</i>
1 markah	Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

- (i) Beluntung berasa risau apabila mendapati Bawod dan Tuyog masih belum pulang kerana
- Bawod dan Tuyog belum pulang.
 - Beluntung berasa kecewa kerana tidak menemukan Bawod dan Tuyog.

***Isi cukup : 2 daripada isi di atas**

(3 markah)

- (ii) Dua latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen ialah
- Masyarakat yang memiliki perasaan kasih sayang terhadap haiwan peliharaan.
 - Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan.

***Isi cukup : 2 daripada isi di atas**

(3 markah)

Kriteria bagi soalan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 markah	Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(iii) Cara-cara terbaik untuk memastikan keselamatan haiwan peliharaan ialah

- menyediakan kandang yang selesa
- membersihkan kandang
- memberi makan yang cukup
- memastikan haiwan peliharaan dalam keadaan sihat dan bersih

(4 markah)

* Isi cukup : 2 daripada isi di atas

* terima mana-mana isi yang relevan

Soalan 6

Pemahaman puisi (sajak)

Kriteria bagi soalan 3 markah

MARKAH	KRITERIA
3 markah	Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis <i>* Jika calon salin perenggan yang mengandungi jawapan (isi cukup tetapi ayat tidak gramatis)</i>
1 markah	Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

- (i) Perkara yang ingin disampaikan oleh penyajak ialah
- Ibu tidak memerlukan bintang yang bercahaya kerana ibu dan ayah sudah memiliki bintang hati
 - Keluarga dan jiwa mereka sudah disinari cahaya kebahagiaan
 - Cahaya kebahagiaan ibu bapa ialah penyajak iaitu anak mereka yang juga bintang hati

(3 markah)

*** Isi cukup : 2 daripada isi di atas**

- (ii) Dua pengajaran yang terdapat dalam sajak ialah
- kita sebagai anak mestilah menjalankan tanggungjawab kepada ibu bapa dengan membahagiakan kedua-duanya pada setiap masa.
 - Ibu bapa hendaklah mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak agar anak-anak dapat mengeratkan hubungan dalam keluarga

(3 markah)

*** Isi cukup : 2 daripada isi di atas**

Kriteria bagi soalan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 markah	Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(iii) Pada pendapat saya, perkara yang diinginkan oleh ibu bapa terhadap anak-anak apabila mereka sudah tua ialah

-Anak-anak menjaga kebajikan mereka dari sudut pemakanan dan kesihatan untuk menjalani kehidupan yang sejahtera

-Anak-anak perlu bermuafakat dalam semua perkara dan tidak mementingkan diri sendiri

(4 markah)

* Isi cukup : 2 daripada isi di atas atau terima isi-isi lain yang relevan

Soalan 7 :

Novel Chot

Pembahagian Markah

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 Markah
Bahasa	4 Markah

Kriteria Markah Bahasa

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	4 markah	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa baik dan lancar• Ayat gramatis• Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	2-3 markah	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa masih baik dan masih lancar• Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Kurang memuaskan	1 markah	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa tidak cekap• Ayat tidak gramatis• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

1. Maksimum : 3 isi
2. Bukti yang relevan dan contoh peristiwa yang sesuai : 2 markah
3. Bukti yang relevan tanpa contoh peristiwa yang sesuai : 1 markah

Contoh peristiwa berdasarkan latar masyarakat yang diberi :

- Masyarakat yang memiliki perasaan kasih sayang terhadap haiwan.
Contohnya, Alias amat menyayangi beruk peninggalan ayahnya, Chot. Dua kali Chot hilang dan Alias berusaha mencari Chot. Dia tidak dapat melelepkan mata apabila mendapati Chot hilang.
- Masyarakat yang dapat meneruskan kehidupan secara berdikari.
Contohnya, Alias meneruskan kehidupan setelah kematian ayahnya dengan berdikari. Dia mencari rezeki dengan memetik buah kelapa yang dilakukan oleh Chot.
- Masyarakat yang mengutamakan semangat kejiranan.
Contohnya, Kampung Dingin suka membantu jiran tetangga buktinya Mak Su Kiah akan menyediakan makanan tengah hari kepada ibu Alias, Puan Leha.
- Masyarakat bersikap baik hati dengan membantu orang lain.
Contohnya, Alias dengan perasaan bangga membersihkan kereta cikgu Sunan , walaupun guru itu selalu memarahi dan mengherdikanya.

* terima isi-isi lain yang relevan

8. BAHAGIAN C

Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:

- Pemeriksa perlu memberikan penekanan pada idea yang ditulis oleh calon.
- Bahasa dinilai secara tanggapan (impression) berdasarkan kriteria.
- Pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan jawapan karangan.
- Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	13-15	Idea <ul style="list-style-type: none">- Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan- Ulasan idea yang jelas dan matang Bahasa <ul style="list-style-type: none">- Ayat gramatis- Kosa kata luas dan tepat- Ejaan dan tanda baca betul- Penanda wacana yang betul- Kesalahan bahasa yang minimum

Baik	09 – 12	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan - Ulasan idea yang jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat masih gramatis - Kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Penanda wacana yang masih betul - Kesalahan bahasa yang masih minimum
Kurang memuaskan	05 – 08	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat atau tersirat yang masih relevan dengan bahan - Ulasan idea yang kurang jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat kurang gramatis - Kosa kata terhad - Kesalahan bahasa yang ketara
Penguasaan minimum	01 – 04	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap

Cara penandaan dan pemberian markah ulasan:

- (i) Pemeriksa dikehendaki menandakan (/) apabila terjumpa isi.
- (ii) Baca dan periksa setakat 100 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.
- (iii) Buat satu garisan panjang selepas 100 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir

9. BAHAGIAN D

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	26 - 30
Kepujian	20 - 25
Baik	15 - 19
Kurang memuaskan	10 - 14
Penguasaan minimum	01 - 09

Kriteria menilai kemahiran menulis

KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA	<ul style="list-style-type: none">- Kegramatisan : Kata (Morfologi), ayat (Sintaksis)- Ejaan dan tanda baca- Kosa kata
IDEA	<ul style="list-style-type: none">- Isi-isi- Huraian isi- Contoh
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none">- Pengolahan- Pemerenggan- Format- Unsur keindahan bahasa / ungkapan menarik

Kriteria penskoran

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang	26 -30	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas, menarik dan matang - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca betul - Kesalahan bahasa minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana tepat - Penggunaan ungkapan menarik tepat dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik
Kepujian	20 -25	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas dan menarik - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca yang betul - Kesalahan bahasa minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana sesuai - Penggunaan ungkapan menarik sesuai dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik

Baik	15 – 19	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan dengan tugas - Huraian idea masih jelas dan masih menarik - Contoh yang masih sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Kesalahan bahasa masih minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan masih menarik, dan masih berkesan dengan pemerenggan yang masih sesuai - Format masih menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana masih sesuai
Kurang memuaskan	10 -14	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tugas - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad - Kesalahan bahasa ketara <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerenggan yang kurang sesuai - Format kurang menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai
Penguasaan minimum	01 – 09	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah - Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan / terpesong.